

0200013039

SISTEM WARISAN PUSAKA
PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG
ISLAM DAN
ADAT PERPATIH

MOHD SALLEHUDDIN BIN MAARUF

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

PENGAKUAN

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

.....

.....

MOHD SALLEHUDDIN MAARUF

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya penulis dapat menyiapkan kajian yang tidak seperti ini dengan penuh ketabahan dan ketekunan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia-penyelia yang terlibat iaitu Encik Shamsudin Shor, Puan Noraziah Hj. Mohd Awal dan Dr. Ali Baharun, kesemuanya pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sehingga kajian ini dapat disiapkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan undang-undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan yang diperlukan bagi tujuan menyiapkan kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini.

Bangi,
10hb Mac, 1990

Mohd Sallehuddin Bin Maaruf

SINOPSIS

Adat Perpatih dan Islam merupakan dua kuasa yang menyusun struktur dan cara hidup masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka. Dua kuasa ini pertindanan antara satu sama lain, lantas menimbulkan ketegangan dan percanggahan antara kedua-duanya, khususnya dalam hal perwarisan.

Penulis menggunakan pendekatan perbandingan dalam membicarakan hal perwarisan dengan tumpuan kepada masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Bab I membicarakan tentang latar belakang sejarah perwarisan Islam dan Adat Perpatih. Pemakaian Islam dan adat dalam masyarakat Melayu serta penyesuaian Islam dengan adat turut diperbincangkan dalam bab ini.

Bab II membincangkan tentang konsep harta menurut undang-undang Islam, Adat Perpatih dan undang-undang Sivil serta perbandingan antara ketiga-tiganya.

Bab III memperkatakan perihal unsur-unsur perwarisan dalam undang-undang Islam dan Adat Perpatih dan perbandingan antara kedua-duanya.

Dalam bab IV, beberapa cadangan disyorkan untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dan seterusnya membuka jalan kepada masyarakat untuk melaksanakan sistem Faraid. Akhir sekali, di dalam bab ini juga, penulis membuat rumusan terhadap perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dalam bab-bab di atas sebagai kesimpulan kepada penulisan ini.

SYNOPSIS

Adat Perpatih and Islam are the two forces which administered the life and structure of Malay society in Negeri Sembilan and Naning in Malacca. These two forces intermingled with each other, thus produce stress and conflict between each value, especially in the matter of inheritance.

The writer has taken a comparative approach to discuss the discipline of inheritance among Malay society in the state of Negeri Sembilan.

Chapter I contains the historical background of inheritance in Islam and Adat Perpatih. General discussion on the application of Islam and adat in Malay society and Islam being modified to fit adat are also included therein.

Chapter II outlines the concept of estates according to Islamic law, Adat Perpatih and Civil law, together with its comparisons.

Chapter III points out the elements of inheritance in Islam and Adat Perpatih and its comparisons.

In chapter IV, a few suggestions and proposals are advanced to eradicate the existing problems and thus, to steer the society to the use of Islamic law of inheritance. Finally, the said chapter summarizes points from each chapter in view of concluding this writing.

KANDUNGAN

Pengakuan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Sinopsis.....	v
Synopsis.....	vii
Daftar Jadual/ Rajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Senarai Kes.....	xiv
Senarai Statute.....	xv
Pendahuluan.....	xvi
Metodologi Kajian.....	xix

BAB I

1. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Undang-Undang Warisan Islam.....	1
a) Amalan Adat Sebelum Dan Dalam Islam.....	1
b) Sistem Pusaka Sebelum Islam Dan Pembaharuan- Pembaharuan Islam.....	5
2. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Adat Perpatih.....	8
a) Asal-Usul Serta Kemasukannya Ke Tanah Melayu (Negeri Sembilan) dan pengaplikasiannya.....	8
b) Sistem Adat Perpatih.....	13
3. Islam Dan Adat Dalam Masyarakat Melayu.....	16
4. Islam Dan Penyesuaiannya Dengan Adat.....	19

BAB II

1. Konsep Harta.....	34
a) Konsep Harta Menurut Islam.....	34
b) Konsep Harta Menurut Adat.....	39
c) Konsep Harta Menurut Undang-Undang Sivil.....	42
2. Perbandingan.....	47

BAB III

1. Unsur-Unsur Perwarisan Islam.....	58
a) Sumber Hukum Islam.....	58
b) Asas Hukum Waris.....	60

c) Harta warisan.....	63
d) Ahli Waris Dan Hak-Hak Mereka.....	65
2. Unsur-Unsur Perwarisan Adat Perpatih.....	79
a) Harta Warisan.....	79
b) Asas Hukum waris.....	83
c) Ahli Waris.....	86
d) Cara Perwarisan.....	89
3. Perbandingan.....	92

BAB IV

1. Masalah Dan Cadangan.....	107
2. Rumusan.....	116
Senarai Rujukan.....	123

Daftar Jadual/ Rajah

1. Rajah 3.1.4 (a) – Ahli Waris
2. Jadual 3.1.4 (b) – Fardu (bahagian) ahli waris.

Senarai Singkatan

Anor	Another
B./ b.	Bin
Bt./ bt.	Binti
Co.	Company
Dr.	Doktor
Dec.	Deceased
Hal.	Halaman
Ibid.	Di tempat yang sama
Jil.	Jilid
JMCL.	Journal of Malaysian Comparative Law
JMBRAS	Journal of Malayan Branch royal Asiatic Society
Lwn.	Lawan
MLJ.	Mapayan Law Journal
MLR.	Malaya Law Review
Op. cit.	Dalam karya tersebut

Senarai Kes

Kiah Bt. Hanapiah lawan Som Bt. Hanapiah (1953) 19 MLJ 82.

Kiah lawan Amah (Taylor: Customary Law of Rembau, 253)

Re Dato' Ngiang Kuloo Kidal Dec. (Taylor: Customary Law of Rembau, 92)

Tan Cheng Hock lawan Chan Thean Soo & Anor (1987) 2MLJ 479.

The Shell Company Of The Federation Of Malaya lawan Commissioner Of The Federal Of Kuala Lumpur (1964) 30 MLJ 302.

United Malayan Banking Corporation lawan Official Receiver And Liquidator Of Soon Hup Seng Sdn. Bhd. (in liquidation) & Anor. (1986) 1 MLJ 75.

Senarai Statute

Akta Pusaka Besar 1955.

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Akta Pindaan Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang Dan Melaka) 1965.

Akta Undang-undang Sivil, 1956.

Enakmen Pemegangan Tanah Adat (Customary Tenure Enactment) 1909.

'Interpretation Act' (Consolidated And Revised 1989) 1967.

Kanun Tanah Negara 1965.

Perlembagaan Persekutuan.

Pendahuluan

Setiap masyarakat di dunia ini pasti mempunyai sistem yang tersendiri. Malaysia sendiri tidak dapat lari daripada hakikat ini, malah sistem perundangan Malaysia bersifat lebih unik, kerana ia ditadbirkan melalui beberapa jenis undang-undang seperti undang-undang Sivil (Common Law dan Statute), undang-undang Islam serta undang-undang Adat (seperti Adat Perpatih, Adat Temenggung, Adat 99 Perak dan mendapat pengiktirafan mahkamah dan telah diamalkan sejak berzaman lagi.

Masyarakat Adat Perpatih secara amnya turut membina struktur masyarakat mereka berpandukan kepada ketiga-tiga sumber undang-undang di atas. Sementara dalam hal perwarisan, mereka lebih bertumpu kepada pemakaian adat dan Islam yang telah bertumpu disesuaikan dengan adat.

Sebagaimana tajuk penulisan ini: 'Sistem Warisan Pusaka, Perbandingan Antara undang-Undang Islam Dan Adat Perpatih', penulis cuba mengetengahkan ketegangan atau konflik yang wujud antara kedua-dua sistem ini dan seterusnya cuba memberikan jalan penyelesaian yang sebaik mungkin. Dalam pada itu, penulis mengajak para pembaca amnya dan masyarakat Adat Perpatih khususnya berfikir tentang persoalan ini dan seterusnya mengajak mereka supaya lebih condong kepada pengamalan sistem Faraid Islam. Bagaimanapun, penulis bukan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat Adat Perpatih untuk terus meninggalkan adat yang jelas bertentangan dengan adat. Ini adalah kerana penulis percaya bahawa tidak kesemua adat itu bertentangan dengan Islam dan seperkara lagi, Islam sendiri menerima adat yang tidak bertentangan dengannya.

Walaupun terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan persoalan yang di bawah ini, namun penulis merasakan tidak banyak perbincangan yang berbentuk akademik mengenainya. Oleh itu penulis telah memilih tajuk itu untuk meluaskan penulisan yang sedia ada dan seterusnya mengekalkan kesinambungannya. Penulis juga berharap agar masyarakat kampus (terutama yang berasal dari Negeri Sembilan) khasnya dapat menghayati penulisan ini sepenuhnya kerana merekalah yang akan menjadi pemimpin dan nadi penggerak kepada masyarakat.

Akhir sekali, penulis memohon maaf jika terdapat sebarang kelemahan dalam menulis dan menyusun penulisan ini, kerana sebagai manusia kerdil, kita tidak sesempurnanya.

Metodologi Kajian

Bagi tujuan memperoleh maklumat yang diperlukan untuk kajian ini, penulis menggunakan dua kaedah utama pengumpulan maklumat, iaitu:

- a) Kaedah temu bual.
- b) Kaedah rujukan sumber bercetak.

A. Kaedah Temu Bual

Kaedah ini merupakan satu kaedah pengumpulan yang penting bagi mendapatkan maklumat terkini, gambaran serta pandangan terhadap soal persoalan kajian ini daripada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kaedah ini bertumpu kepada penduduk setempat di kampung Talang di Kuala Pilah, kampung Sungai Machang Hilir di Mantin, Seremban dan di sekitar daerah Seremban. Penulis memilih ketiga-tiga kawasan ini kerana, penduduk setempatnya mengamalkan Adat Perpatih mengikut tahap darjah yang berlainan.

Keseluruhan kaedah ini dilakukan secara 'informal' kerana sifat persoalan perwarisan yang sensitif. Seperkara lagi, kaedah temu bual secara 'informal' ini lebih memudahkan penulis mendekati penduduk setempat dan seterusnya mendapatkan maklumat dari mereka.

B. Kaedah Rujukan Sumber Bercetak

Penulis merujuk kepada bahan maklumat bercetak yang terdapat di beberapa buah perpustakaan. Perpustakaan yang menjadi tempat rujukan utama ialah Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institusi bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu. Kesemua perpustakaan di atas terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Oleh sebab kajian ini bersifat kajian ini bersifat kajian kepada konsep perwarisan dalam undang-undang (dengan Pengkhususan kepada undang-undang Islam dan Adat Perpatih), maka kebanyakan rujukan lebih bertumpu kepada buku, jurnal, keratan akhbar dan juga kertas kerja seminar yang diadakan.

Bahan-bahan ini bukan sahaja memberi maklumat penting kepada penulis tetapi juga membantu penulis untuk memahami secara lebih terperinci tentang kajian ini.

BAB I

PENDAHULUAN

Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Undang-Undang Warisan Islam.

1. Amalan Adat Sebelum Dan Dalam Islam

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab merupakan satu masyarakat yang dikenali dengan panggilan jahiliah, yang mana hidup mereka tiada berpandukan satu sistem perundangan yang pasti.

Jahiliah adalah istilah yang digunakan bagi maksud sifat-sifat kegilaan, kesombongan dan marah membabi buta.¹ Mereka dikatakan jahil kerana mereka tidak mengakui Allah Yang Maha Esa, malah mereka menyembah patung dan fenomena-fenomena alam yang lain.

Dua golongan bangsa Arab yang terbesar adalah Badwi dan Handari. Masyarakat Badwi hidup di kawasan desa, yakni di lereng gunung atau bukit dan memelihara binatang ternakan dan teras kehidupan mereka adalah air. Mereka lebih suka mengasingkan diri daripada bangsa lain dan mempunyai sikap kesukuan dan egoisme yang tinggi.

Manakala masyarakat Handari hidup di bandar dengan menjalankan perniagaan dan mempunyai sifat-sifat kepahlawanan, kewartawanan dan disegani ramai.²

Lantaran keadaan sebelum Islam, maka terdapat pelbagai adat, kebiasaan atau sifat-sifat yang diamalkan oleh mereka.

Dari segi keagamaan, mereka menganuti pelbagai jenis agama. Agama berpahala merupakan agama utama, di mana kayu atau batu berukiran manusia atau binatang disembah yang dinamakan seperti al-Lata, al-Uzza dan al-Manaf.³ Al-Lata, al-Uzza dan al-Manaf merupakan tuhan perempuan.⁴

Ada yang menyembah cakerawala atas alasan benda-benda tersebut lebih berguna dan bermanfaat kepada mereka. Terdapat juga bentuk-bentuk penyembahan roh atau semangat. Terdapat juga adat memuja roh datuk nenek mereka atas rasa hormat.⁵

Dari sudut ekonomi, misalnya, orang-orang Yahudi mengamalkan hutang dan melayan si pemiutang dengan zalimnya.⁶ perhambaan merupakan perkara biasa, mereka melayan hamba tanpa peri kemanusiaan dan mempunyai kuasa terhadap hidup dan mati mereka. Perkahwinan sesama ^{hi lamba} adalah tidak sah perkahwinan bebas adalah dilarang.⁷ Merompak dan menyamun juga merupakan mata pencarian hidup

mereka.⁸ Terdapat sejarah menyatakan bahawa sistem percukaian di kena ke atas orang yang mengerjakan haji, yang dipanggil 'Riffadah'.⁹ Dan jika terdapat orang asing mengerjakan haji, ia tidak dibenarkan memakai pakaian dalam keadaan bogel atau membeli pakaian daripada orang-orang di Mekah. Ia dinamakan 'Hanim'.¹⁰

Poligami dan poliandri diamalkan secara meluas di kalangan mereka.¹¹ Terdapat juga perkahwinan seperti seorang suami menyuruh isterinya bersekedudukan dengan orang lain bertujuan untuk mendapat anak yang mulia.¹² Pelacuran dan perkahwinan mutaah diamalkan bahkan tempat pelacuran didirikan bendera khas sebagai tanda. Poligami juga membenarkan mereka mengahwini adik-beradik dalam satu masa, malah janda ayah juga boleh dikahwini.¹³

Perceraian seperti talak¹⁴, ila¹⁵ dan khuluk¹⁶ juga berlaku. Terdapat juga keadaan di mana perempuan dari golongan bangsawan berhak menceraikan suaminya.

Selain dari itu, pengambilan anak angkat dan pentadbiran jenayah seperti qisas dan diat turut diamalkan.

Setiap anggota kabilah mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain dan jika seseorang dari mereka melakukan kabilahnya.¹⁷ Oleh itu patriotik mereka adalah patriotik kabilah dan dengan demikian, lemah imannya terhadap agama, menyebabkan ia jarang percaya kepada sesuatu kecuali mengikut tradisi kabilahnya serta apa yang diwarisi dari datuk neneknya.

Sejajar dengan itu terdapat ayat Quran yang bermaksud:

“ Orang-orang Arab sangat ingkar lagi munafik dan sewajarnya mereka tidak mengetahui hukum-hukum yang diwahyukan Allah kepada Rasulnya. Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana.”¹⁸

Bagaimana, keberanian mereka tidak dinafikan terutamanya dalam mempertahankan kabilahnya dari serangan musuh. Mereka juga mempunyai sifat terpuji seperti murah hati terutama ketika menyembelih untanya untuk tetamu, dan menolong si miskin yang melarat.¹⁹

Disimpulkan bahawa masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam bukanlah jahil dalam semua segi tapi kejahilan mereka adalah dari segi akidah dan kepercayaan terhadap ketuhanan.

2. Sistem Pusaka Sebelum Islam Dan Pembaharuan-Pembaharuan Islam

Undang-undang pusaka sebelum Islam di Tanah Arab adalah didasarkan kepada sistem keturunan sebelah bapa (aquatic system).²⁰ Tujuan utama undang-undang pusaka sebelum Islam ialah untuk menjaga harta kabilah yang dimiliki oleh kabilah itu dan harta seseorang yang mati hanya jatuh ke tangan keluarga lelaki saja.²¹ Dan hanya keluarga sebelah bapa sahaja yang berhak mendapat warisan pusaka. Manakala mereka yang terkecuali daripada warisan pusaka adalah terdiri daripada wanita-wanita²², orang-orang yang di bawah umur (sekalian anak lelaki), orang-orang yang lemah dan keluarga sebelah ibu (cognates).

Rasional wanita tidak diberi harta adalah kerana mereka adalah kaum yang lemah, tidak berperang dan boleh mendatangkan malu kepada keluarga.²³ Mereka beranggapan bahawa orang perempuan tidak berkemampuan untuk mempertahankan maruah keluarga, malah hanya membawa beban. Oleh itu terdapat amalan membunuh bayi-bayi perempuan. Ayat Quran menjelaskan:

“ Dan apabila diberitahu kepada salah seorang daripada mereka tentang kelahiran anak perempuan berubah mukanya tanda dukacita yang amat sangat”.²⁴

Secara umumnya, sistem pusaka ditentukan oleh tiga faktor utama:

- a) Keluarga sebelah bapa (agates) adalah waris yang pertama.
- b) Waris kedua adalah anak angkat lelaki yang setaraf dengan anak lelaki sebenar.
- c) Waris ketiga melalui perjanjian sumpah (halif).²⁵

Sistem pusaka sebelum Islam dapat dirumuskan seperti berikut:²⁶

- a) Kaum wanita dan keluarga sebelah ibu tidak berhak terhadap harta.
- b) Keluarga lelaki sebelah bapa yang terdekat mendapat segala harta si mati.
- c) Keturunan sebelah bawah (descendants) adalah lebih utama daripada keturunan sebelah atas (ascendants) diikuti oleh keluarga seajar (collateral).
- d) Keluarga lelaki sebelah bapa (agates) yang sedarjat adalah sama-sama mewarisi dan dibahagikan bersama harta itu menurut ‘percapita’.²⁷

Perubahan yang dibawa oleh Islam, memperkenalkan prinsip kesamarataan (principles of equality) di antara jantina-jantina yang berlainan.²⁸ Dan dua asas warisan dalam Islam adalah:

- a) Menurut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran atau hadis.
- b) Adat atau kebiasaan yang diamalkan di kalangan masyarakat Arab sejauh mana ia tidak bertentangan dengan Quran atau hadis.²⁹

Sejarah undang-undang pusaka Islam bermula daripada hadis berikut:

“ Balu Sa’d ibni al-Rabi’ telah datang kepada nabi (s.a.w.) bersama-sama dua orang anak perempuannya. Ia mengaku kepada baginda yang suaminya telah terkorban dalam peperangan uhud, dan bapa saudara kepada anak-anak perempuan itu telah mengambil semua pusaka dengan tidak meninggalkan sedikit pun kepada kedua-dua yang dapat menolong mereka sehingga berkahwin kelak. Kemudian Nabi (s.a.w.) pun diam seketika sehinggalah turun ayat-ayat mengenai pusaka itu, lalu baginda pun memanggil bapa saudara mereka dan menyuruh ia memberikan 2/3 daripada pusaka si mati itu

kepada kedua-dua anak perempuan tersebut dan 1/8 kepada balu, kemudian ia bersabda: Kamu ambillah yang bakinya untuk kamu sendiri”.³⁰

Ini adalah berdasarkan kepada tiga ayat Quran berikut:

- a) Surah An-Nisa' : 11³¹
- b) Surah An-Nisa' : 12³²
- c) Surah An-Nisa' : 176³³

Oleh itu perubahan yang dibawa oleh Islam dapat dirumuskan seperti berikut:

- a) Suami atau isteri dijadikan sebagai waris.
- b) Wanita dan saudara sebelah ibu (cognates) dibolehkan mewarisi pusaka.
- c) Ibu bapa dan datuk nenek (ascendants) adalah diberi hak mewarisi sekalipun ada anak cucu (descendants) yang lelaki.
- d) Sebagai peraturan am, tiap-tiap perempuan diberi ½ bahagian daripada lelaki.

Adat warisan sebelum Islam dapat mencerminkan akan perubahan ini, kenapa golongan-golongan tertentu diberi harta warisan dalam pembaharuan yang dibawa oleh Islam. Ini kerana mereka yang menerima warisan dalam pembaharuan tersebut merupakan golongan-golongan yang tidak berpeluang mendapat warisan dalam adat lama tersebut.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa adat Arab lama (harta hanya diberi kepada anak lelaki) masih terpakai dalam Islam. Secara umumnya adat dari perspektif Islam tidak diiktiraf sebagai satu sumber undang-undang tetapi ini tidak bermakna Islam menolak adat sama sekali. Adat diamalkan setakat mana ia tidak bertentangan dengan Syariah dan ia dipergunakan untuk menepati pelaksanaan undang-undang Islam itu sendiri.

Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Adat Perpatih.

1. Asal-Usul Serta Kemasukannya Ke Tanah Melayu (Negeri Sembilan) Dan Pengaplikasiannya.

Biarpun adat (custom) diakui sebagai satu perkataan yang universal tetapi pelbagai maksud telah diberikan berhubung dengan pengertiannya. Boleh dikatakan tidak terdapat satu pendapat yang konkrit atau tepat mengenai definisi adat. Tetapi tidak dinafikan bahawa asal dan dasar adat tersebut tidak lari biarpun kepelbagaian pendapat tersebut, iaitu ia dibentuk untuk memelihara struktur sesuatu masyarakat.

Secara etimologinya,³⁴ adat berasal dari bahasa Arab bermaksud kebiasaan, atau amalan yang lazim dan merupakan perkara yang diketuai umum oleh manusia.³⁵

Joseph Minattur memberikan pendapatnya mengenai adat sebagai:

“.....a word borrowed from Arabic. Adat in general means, right conduct; and in common usages, it if stands for a variety of things all connected with proper social behavior”.³⁶

Antara lain, ia dikatakan sebagai peraturan yang lazim dipakai sejak dahulukala yang sudah menjadi kebiasaan atau resam.³⁷

P.C Lloyd menambah:

“ A social norm is a customary mode of behavior- it is what people in a given society are expected by their follow members to do, not only because such behavior is usual but also because it is deemed good”.³⁸

Manakala masyarakat Minangkabau memberi pendapat mereka dengan menyentuh dasar adat tersebut, sebagai cara pergaulan antara masyarakat dengan individu serta pergaulan antara individu sesama mereka.³⁹

Pendapat masyarakat Minangkabau terhadap adat ini tidak lari daripada pandangan masyarakat Malaysia itu terdiri. Justeru itu harus difahami istilah adat mengikut penggunaannya di kalangan masyarakat Melayu Malaysia.

Ini disokong dengan pandangan Hj. Mohd Din bin Ali dengan pengertian yang lebih meluas lagi:

“Istilah adat Melayu kerap kali mengelirukan atau disalah fahamkan, sematamata bererti kelaziman, kebiasaan dan tradisi orang Melayu. Ini sebahagian besarnya tidak benar. Adat ialah institusi dalam mana undang-undang⁴⁰ dan kebiasaan mengatur sosial, politik dan corak perlembagaan bagi pemerintahan hari ini. Undang-undang ini melahirkan pepatah-pepatah yang sangat lama dan bernilai”.⁴¹

Dari segi perundangan Islam, kurf⁴² dan adat mempunyai pengertian yang sama tapi penggunaannya berbeza dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Perbezaan yang jelas ialah, adat diikuti tanpa apa-apa alasan, manakala kurf adalah diisytihar melalui alasan-alasan tertentu.⁴³

Di Malaysia, terdapat dua sistem pentadbiran adat yang telah diterima umum oleh masyarakat Melayu iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

Adat Perpatih adalah undang-undang Perdana Menteri berasal dari Minangkabau, manakala Adat Temenggung dipanggil sebagai undang-undang peperangan dan polis yang berasal daripada Palembang dan mengandungi setengah-setengah sistem Hindu.

Kedua-dua adat ini dipercayai timbul melalui laegnda⁴⁴ dua pengasasnya iaitu Perpatih Nan Sebatang dan Kei Tamanggunan. Mengikut sejarah, mereka memerintah di tempat-tempat berlainan di Minangkabau iaitu Perpatih memerintah di kawasan tanah tinggi sementara Tamanggunan di kawasan pantai dan mereka merupakan adik-beradik tiri. Tidak diketahui pula kenapa kedua-dua mereka mengamalkan sistem nisab yang berlainan iaitu Perpatih mengikut nisab ibu manakala Tamanggunan mengikut nisab bapa. Tetapi ia mungkin disebabkan oleh legenda yang berikut.

Perpatih pada usia mudanya telah mengembara jauh. Pada masa kepulangannya, dia telah mengahwini Puteri Zamillan tanpa mengetahui bahawa Puteri tersebut adalah adik tirinya. Selepas mengetahui mereka ada hubungan darah, Perpatih dan Tamanggunan yang terkejut dengan berita tersebut telah membahagikan Minangkabau kepada dua kumpulan iaitu Kota Piliang dan Bodir Chaniago dan membuat peraturan bahawa mereka daripada kumpulan yang sama tidak boleh berkahwin sesama mereka.⁴⁵

Sejarah juga menyatakan bahawa terdapat kemungkinan yang peraturan mengikut nisab ibu diperkenalkan oleh orang-orang India Selatan yang datang ke Minangkabau. Ini disebabkan orang-orang India Selatan juga mengamalkan yang demikian.⁴⁶

Di Malaysia, amalan Adat Perpatih dapat dilihat di kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan daerah Nanning di Melaka dan telah menjadi amalan oleh dua belas suku di Negeri Sembilan.⁴⁷ Manakala masyarakat Melayu lain di Semenanjung Malaysia mengamalkan Adat Temenggung dan Adat 99 perak.

Ini dapat dilihat dalam tulisan T.A Manring yang berbunyi:

“ During the 20th century, then the Adat Perpatih and Adat Temenggung, which, prior to the invention by the British, were the laws of the land.....”⁴⁸

Walaupun dengan penerimaan dan pengaruh undang-undang British tetapi kedua-dua adat di atas berterusan kekal hingga kini. T.A Manring seterusnya menambah:

“ The adoption of English Law to meet those needs does not necessarily mean that adat was replaced with regard to needs which it had fulfilled prior to the arrival of the British. It is possible that the types of conduct which had traditionally been regulated by adat continued to be so regulated”.⁴⁹

Sungguhpun dikatakan Adat Perpatih mula-mula sampai pada abad ke tujuh belas tapi hanya pada tahun 1773 barulah benar-benar tertubuhnya kehidupan bersuku, setelah Raja Melewar, kerabat di Raja Minangkabau dilantik secara rasmi sebagai raja Perpatih yang mula-mula di Negeri Sembilan.⁵⁰ Sejak itu sehingga kini, Adat Perpatih telah menjadi teguh dan berkuatkuasa di kalangan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

Sungguhpun Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau tetapi sistem yang terpakai di kedua-dua tempat agak berbeza. Ini disebabkan oleh perubahan dan penyesuaian kepada persekitaran yang baru. Tetapi tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa sistem Adat Perpatih merupakan variasi daripada yang diamalkan di Minangkabau dan bukan ‘duplicate’ daripadanya.⁵¹

Sistem Adat Perpatih

Secara ringkas, sistem ialah peraturan yang diamalkan secara berterusan dan adat pula adalah kebiasaan dan peraturan yang dianuti oleh masyarakat. Peraturan ini

termasuk juga hukuman-hukuman yang diwujudkan melalui sistem-sistem yang terdapat dalam masyarakat yang diciptakan mengikut keperluan serta prinsip budi dan muafakat. Ia bertujuan membendung segala perlakuan dan tindak-tanduk ahli-ahli masyarakat di samping memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota-anggotanya agar kehidupan masyarakat itu menjadi harmoni dan stabil.

Dalam konteks Adat Perpatih, peraturan dan sistem yang diamalkan adalah menitikberatkan nilai-nilai yang disebutkan tadi. Keseluruhan prinsip hidup sistem adat ini nampaknya wujud dan tercipta dalam bentuk kata-kata pusaka yang dinamakan perbilangan adat.⁵² Ia merangkumi aspek kehidupan itu sendiri, dari segi sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.⁵³ Ia merupakan pepatah-pepatah yang dilakukan oleh orang-orang tua dahulu kala berdasarkan pemerhatian, pengamatan dan penghayatan mereka terhadap alam.

Alam diilhamkan sebagai guru dalam bentuk pantun:

Penakik pisau siraut,
Ambil galah batang lintabung,
Seludang ambil ke nyiru,

Yang setitik jadikan laut,
Yang sekepal jadikan gunung,
Alam berkembang jadikan guru.

Berdasarkan ungkapan di atas, terdapat 4 jenis adat.⁵⁴

- a) Adat yang sebenar-benar adat iaitu ketentuan-ketentuan yang terdapat dari alam yakni ketentuan Tuhan dan Sunattullah. Umpamanya, adat air mengalir ke hilir, adat kerbau itu menguak, adat helang berlegar di udara. Apa pun asasnya, pasti tidak lari dari adat ketentuan ini dan tidak harus ada orang menyangkalnya.
- b) Adat yang diadatkan iaitu merupakan kebiasaan yang dilakukan di sesuatu tempat oleh kelompok tertentu yang lama kelamaan menjadi adat. Misalnya, adat orang-orang Kelantan di zaman Munsyi Abdullah dahulu, apabila seseorang itu lahir maka ditanam sepohon kelapa sebagai pengukur umurnya.
- c) Adat yang teradat iaitu amalan-amalan yang terdapat dalam sesuatu kelompok masyarakat, yang lama-kelamaan menjadi lebih kuat kedudukannya lalu dianggap sebagai adat. Misalnya amalan mencukur rambut bayi yang berumur sekitar 40 hari. Apabila kerap diadakan dan seolah-olah merupakan sesuatu kemestian dalam masyarakat maka jadilah ia sebagai suatu 'adat yang teradat' dalam masyarakat itu.
- d) Adat istiadat iaitu adalah perlakuan-perlakuan yang menyangkut sesuatu upacara. Misalnya adat melantik Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan diadakan secara penuh istiadat mengikut tradisi.

Adat-adat tradisi memanglah menjadi amalan dalam masyarakat Adat Perpatih. Unsur-unsur adat tidaklah beku atau statik melainkan sentiasa disesuaikan mengikut keadaan zaman dan kehendak masyarakat yang mendukungnya. Ini dinyatakan dalam perbilangan adat:

Usang-usang diperbaharui,
Lapuk-lapuk dikajangi,
Yang elok dipakai,
Yang buruk dibuang.

Kalau singkat minta disambung,
Kalau panjang minta dikerat,
Kalau koyak minta ditampal.

Sistem Adat Perpatih diklasifikasikan kepada enam sistem utama iaitu sistem nilai, kekeluargaan, politik, ekonomi, hukum adat dan pelapisan. Setiap sistem mengandungi beberapa 'sub-sistem' misalnya sistem nilai itu merangkumi nilai terhadap adat itu sendiri, nilai tentang budi, nilai kaum perempuan,⁵⁵ nilai tentang individu, nilai tentang hidup bermasyarakat, nilai ekonomi, nilai kepimpinan dan nilai tentang agama.

Segala yang dinyatakan menjadi asas kehidupan masyarakat secara total. Keseluruhan sistem sekaligus adalah juga sebagai peraturan atau undang-undang masyarakat yang mesti difahami dan dihayati sepenuhnya.

Islam Dan Adat Dalam Masyarakat Melayu

Islam dan adat sukar dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ia merupakan dua aspek atau sistem pengawal hidup seharian yang diamalkan secara timbal balik. Sehingga M.B. Hooker menyatakan:

“Any discussion of Islam in Malaysia has to take account of earlier theories as to the nature of Malay law”.⁵⁶

Di samping itu, undang-undang tertinggi negara, yakni Perlembagaan Persekutuan menguatkan lagi keadaan di atas dengan mengaitkan Islam dan adat kepada orang Melayu. Menurut Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, Melayu didefinisikan sebagai:

“ Seseorang yang menganuti agama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu.....”⁵⁷

Umumnya terdapat 2 bentuk hubungan antara adat dan Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu Malaysia. Pertamanya, wujudnya pertelingkahan prinsip antara keduanya tapi bagaimanapun, ini diredakan dengan kaedah penyesuaian. Keduanya, terdapat percampuran (mixing and incorporation) antara keduanya yang menyebabkan perbezaan antara keduanya tidak ketara apabila dipraktikkan.

Penerimaan Islam dan adat ini diamalkan sama ada secara berasingan ataupun dalam keadaan serentak. Amalan secara berasingan dapat dilihat dalam keadaan berikut, di mana perkara ibadah seperti sembahyang lima kali sehari tidak boleh ditentukan oleh adat (ia merupakan ketentuan Islam sahaja) dan dari segi perwarisan harta (Adat Perpatih terutamanya) lebih menekan kepada adat. Dalam hal perkahwinan, kenduri kahwin merupakan perkara yang dituntut oleh Islam tapi upacara persandingan yang lebih merupakan adat Hindu turut diamalkan.

Benar juga jika dikatakan bahawa orang Melayu adalah orang yang keras mengamalkan Islam tapi tidak pernah menerimanya secara keseluruhan. Amnya, mereka hanya menerima Islam dari segi ibadah atau hal kekeluargaan tapi tidak dalam perkara lain seperti muamalat. Sehingga Profesor Ahmad Ibrahim menyatakan:

“.....it is sad to find that many Muslims today question the validity of the Islamic law and its applicability in our society”.⁵⁸

Ini mungkin disebabkan oleh sikap orang Melayu itu sendiri antara lainnya:

- a) Terdapat suatu sikap umum orang Melayu terhadap adat, di mana mereka menilai adat mereka melebihi yang lainnya sehingga wujud kata-kata adat yang bermaksud:

Biar mati anak,
Jangan mati adat,
Tak lapuk dek hujan,
Tal lekang dek panas.

- b) Dalam proses awal pengembangan Islam, penekanan yang lebih diberikan dalam bidang kerohanian, ibadah daripada bidang jurisprudent, tanggungjawab sosial berminat dalam bidang ibadah.
- c) Kegagalan mereka untuk membezakan dalam hal prinsip antara adat istiadat Melayu dengan hukum Islam.
- d) Mereka menerima dan mengikut sahaja ajaran Islam yang ditentukan secara tradisi itu seperti puasa.
- e) Mereka merasakan bahawa pengetahuan asas yang ada pada mereka telah mencukupi tanpa perlu mempelajarinya dengan mendalam.
- f) Sikap orang Melayu yang lebih suka menerima tanpa berusaha untuk memperolehi sesuatu.

Akibat daripada itu, terjadilah kekeliruan dalam amalan adat dan Islam sehingga menyebabkan terdapat percampuran antara adat dan Islam, di mana penyesuaian dilakukan terhadap keduanya.

Islam Dan Penyesuaiannya Dengan Adat

Jika dianalisis dengan teliti akan hal orang-orang Melayu dan Islam, dapat dikatakan bahawa masyarakat Melayu sebagaimana juga masyarakat-masyarakat lain, sejumlah besar mereka tidak menerima dan tidak mentaati ajaran Islam dengan sebenarnya. Bahkan mereka juga tidak mengikut Islam baik dari segi iman (kepercayaan) mahupun amal (praktik). Fahaman mereka dari segi kerohanian selalunya cetek. Akibat daripada itu, ia membenarkan ajaran-ajaran bukan Islam hidup dan mempengaruhi cara hidup mereka.

Selanjutnya, sama ada disadari atau tidak, terdapat campuran dalam amalan adat dan Islam dalam masyarakat Melayu. Antara lainnya, mungkin disebabkan oleh kejahilan orang-orang Melayu, di mana terkadang mereka mengamalkan Islam dan kadangkala adat tanpa mengetahui yang mana satu.⁵⁹

Sistem pentadbiran kolonial dan pengaruh-pengaruh tamadun Barat merupakan fakta tambahan yang mewujudkan sistem campuran adat, hukum Islam dan undang-undang Barat. Justeru itu, mereka semata-mata mengikut amalan umum yang mereka ketahui tanpa memandang sama ada ia hukum Islam, adat atau peraturan-peraturan Barat.

E.N Taylor menyatakan:

“ Kebanyakan Kadi....tahu menulis sedikit sahaja dan pengetahuan tentang hukum Islam lebih berupa tradisi dari berpengetahuan. Berikutnya mereka tidak dapat membezakan dalam prinsip adat dan Islam, serta mereka dengan yakninya mengemukakan sesuatu cabang hukum yang pada hakikatnya adalah suatu peraturan adat”.⁶⁰

Terdapat pelbagai contoh bagaimana kekeliruan ini masih diamalkan di kalangan masyarakat Melayu.

Umpamanya dalam konsep perkahwinan, terdapat kekeliruan dalam konsep mas kahwin dan mahar. Mas kahwin sebenarnya bermakna wang yang dibayar kepada bakal ibu bapa mertua pengantin lelaki, sedangkan mahar adalah wang yang dibayar kepada bakal isteri itu sendiri. Tetapi sekarang, kedua-dua konsep di atas disalah ertikan, sehingga mas kahwin dianggap sebagai bayaran wang yang perlu dibuat kepada bakal isteri tersebut.⁶¹

Dalam konteks masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, M.B. Hooker menyatakan:

“.....the payment of zakat and fitrah in Negeri Sembilan.....are Islamic of these contributions is regarded by the peasant as an adat”.⁶²

Dalam hal pembahagian harta masyarakat Adat Perpatih, perwarisan harta dibenarkan tapi cara pembahagiannya tidak menepati kehendak-kehendak Islam di mana seseorang lelaki tidak boleh mewarisi sebarang harta pusaka. Dalam erti kata lain, ia lebih mengutamakan perempuan daripada lelaki.

Dari segi wasiat,, Islam membenarkan ia dilakukan tetapi Cuma sepertiga daripada harta si mati. Tapi dalam amalan masyarakat Adat Perpatih, seseorang itu dalam apa hal sekalipun tidak boleh membuat wasiat atas hartanya. Jika ia melakukannya juga, wasiatnya tidak sah menurut adat tetapi sah dari segi Islam.⁶³ Ini mungkin disebabkan mereka tidak mahu harta berpindah kepada individu kerana mereka lebih menitikberatkan suku sebagai satu unit.

Perkara-perkara di atas merupakan beberapa keadaan di mana terdapat kekeliruan antara adat dan Islam malah terkadangnya Islam ditolak sama sekali. Sehingga perbilangan adat ini membawa maksud yang serong:

Pada adat,
Menghilangkan yang buruk,
Menimbulkan yang baik,
Kata syarak,
Menyuruhkan berbuat baik,
Mencegahkan berbuat jahat,
Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan kitabullah,
Adat ke hukum mati hukum,
Hukum ke adat mati adat.

Di mana perbilangan adat di atas seolah-olah membenarkan adat mengenepikan Islam.

Perbilangan demi perbincangan yang telah dianjurkan bukan saja memberi gambaran asas tentang adat dan Islam yang wujud dalam kehidupan masyarakat Melayu Malaysia, malah untuk menunjukkan bahawa adat bukan saja merupakan kebudayaan Melayu tetapi juga sebahagian daripada sistem perundangan yang teknikal. Gambaran asas tersebut akan dapat membantu untuk memahami perbincangan-perbincangan yang lebih lanjut.

Nota Rujukan

1. Abdul Razak Naufal, Islam dan Ilmu Pengetahuan Moden, dipetik dalam A Monir Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 2.
2. Ibid, hal. 4-9.
3. Bernard Lewis, The Arabs in History, Hutchinson University Library, London, 1970, hal. 30.
4. Professor K Ali M.A, A Study of Islamic History, Mullick Brothers, Calcutta, 1974, hal. 20.
5. A. Monir Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, op. cit, hal. 3.
6. Professor K. Ali M.A, A Study of Islamic History, op. cit, hal 19.
7. Ibid, hal. 22.
8. Dr. Ahmad Amin, Fajar Islam, Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hal. 11.
9. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern world, SN. Muhammad Ashraf, Lahore, 1981, hal. 6.
10. Ibid, hal. 6.
11. A Monir Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, op. cit, hal. 12.
12. Ibid, hal. 12. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern World, op. cit, hal. 8.
13. Bagaimana, amalan ini telah dihapuskan dengan kedatangan Islam melalui ayat 22 Surah An-Nisa' : "Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji dan dibenci oleh Allah, serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan)".
14. Maksud talak ialah melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz sahih (terang) atau kinayah (sindiran). Malah talak telah pun wujud di zaman jahiliah lagi.
15. Ila' ialah sumpah si suami bahawa dia tidak akan bersetubuh dengan isterinya selama empat bulan atau lebih atau dengan tidak menyebutkan masanya. Hukumnya haram kerana ia menyebabkan kemudaratan kepada isteri dan adalah ila' ini asalnya talak pada zaman jahiliah. Lihat Hj. Mohd Sanusi Bin Hj. Mahmod, Undang-undang Keluarga Dalam Islam, Dian Darul Naim Sdn. Bhd, Kota Bharu, Kelantan, 1984, hal. 101.

16. Khuluk yang dimaksudkan di sini mungkin juga khuluk tebus talak di mana jika terdapat sebab-sebab yang menjadikan kedua suami isteri tidak dapat bercampur gaul dengan secara aman dan damai, maka diizinkan kepada isteri untuk meminta talak dengan membayar kepada suaminya suatu benda yang berharga sebagai ganti, tapi banyak sedikitnya benda itu menurut persetujuan keduanya.
17. Dr. Ahmad Amin, Fajar Islam, op. cit, hal. 12. Sementara Professor K. Ali M.A. dalam bukunya A Study of Islamic History, hal. 17. Telah memetik sebuah syair Arab yang berbunyi:

“ We do not ask our brother for reasons and explanations (for a crime) when he appeals for help”.
18. Surah Al-Taubah: 99.
19. Dr. Ahmad Amin, Fajar Islam, op. cit, hal. 13.
20. Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982, hal. 10.
21. Ibid, hal. 10.
22. Pada zaman jahiliah, wanita tidak mendapat tempat di dalam masyarakat, malah mereka dianggap barang yang boleh diwarisi dalam hal perwarisan. Anwar Ahmad Qadri, Islam Jurisprudence In The Modern World, op. cit, hal. 13.
23. Dr. Ahmad Amin, Fajar Islam, op. cit, hal. 13. A Monir Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, op. cit, hal 424.
24. Surah Al-Nahl: 58.
25. Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Adat Dengan Undang-Undang Islam, op. cit. hal. 11.
26. Ibid, hal. 11. Syed Khalid Rashid, Muslims Law, Eastern Book Co, Lucknow, 1979, hal. 231.
27. Semua wari mendapat bahagian yang sama jika harta tidak berwasiat dan tidak mengikut ‘Per Stripes’. Rujuk P.G. Osborn, A Concise Law Dictionary, London, 1964, hal. 238.
28. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern World, op. cit, hal. 424.
29. Syed Khalid Rashid, Muslim Law, op. cit, hal. 230.
30. Ibn Maja, Kitab al-Sunan, Cairo 13134, Ist Edition, Jil. 11, hal. 84, dipetik dalam Othman Ishak, Hubungan Antara undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, op. cit, hal. 13.

31. Yang bermaksud:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta Pesaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa si mati tiap-tiap seorang dari keduanya: seperenam dari harta yang ditinggalkan si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedangkan yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat si mati, dan sesudah dibayar hutangnya. Ibu bapa dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta Pesaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi maha Bijaksana”.

32. Manakala ayat ini pula merupakan sambungan kepada ayat di atas.

“ Dan bagi kepada seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu peroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat dan sesudah dibayar hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat dan dibayar hutangnya. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunai wasiat dan dibayar hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaklah tidak mendatangkan mudarat (kepada) waris-warisnya. (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi maha Penyabar”.

33. Manakala ayat 176 ini pula memperkatakan mengenai bahagian saudara-saudara seibu sebapa pula.

“ Mereka (orang-orang Islam umatnya) meminta fatwa kepada mu (wahai Muhammad, mengenai masalah ‘Kalalah’). Katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara-perkara ‘Kalalah’ itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta

yang ditinggalkan oleh si mati, dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuan itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Maksud ‘Kalalah’ ialah seseorang yang mati, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa. Oleh itu ketiga-tiga ayat yang dinyatakan tadi telah menjadi asas kepada sistem Pesaka Islam. Untuk pemahaman ringkas, rujuk Dr. H. Abdullah Siddik S.H, Hukum waris Islam, Widjaya, Jakarta, 1984, Bab I.

34. Mengikut kamus Dwibahasa, Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1985, etimologi didefinisikan sebagai satu cabang ilmu bahasa mengenai asal-usul harta.
35. Dr. Amir Syariffuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, Gunung Agung, Jakarta, MCMLXXXIV, hal. 140-141. Mohd Riduan Awang, Konsep undang-Undang Tanah Islam Pendekatan Perbandingan, Al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1987, hal. 108-109. Untuk pembacaan lanjut, sila rujuk Halebury’s Laws of England, 4th Edition, Lord Hail sham of St Mary bone, Vol. 12, Butterworths, London, 1975, para 401-443 dan Henry Campbell black, Black Law Dictionary, 5th. Edition, Publishing Co. 1979, hal. 347.
36. Joseph Minattur, The Nature of Malay Customary Law, Journal of Malaysian Comparative Law, University Malaya, Kuala Lumpur, Vol. 6, hal. 327.
37. Kamus Dwibahasa, Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia 1985, hal. 315.
38. P.C. Lloyd, Yoruba Land Law, London, 1962 hal. 14.
39. Dr. Amir Syariffuddin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, op. cit, hal. 140.
40. Di setengah-setengah negeri, Adat diakui sebagai satu cabang undang-undang umpamanya di Malaysia. Oleh itu ia memerlukan penguatkuasaan dari segi undang-undang. Di Malaysia, ini dapat dilihat melalui peruntukan statute seperti ‘enakmen Pemegangan Tanah Adat 1906’. Sementara menurut Dr A.R Biswas dalam Biswas Encyclopedia Law Dictionary, De Books Eastern Law House, Calcutta, 1979, hal. 208.

“ For a custom to be valid, it must have 4 essential tributes:

- It must be immemorial.
- It must be reasonable.
- It must be continued without interruption since it immemorial origin.
- It must be certain in respect of its nature, generally”.

41. Haji Mohd Din bin Ali, *Malay Customary Law/ Family*, Intisari, Malaysia Sociological Research Institute, Singapore 1963, Jil. 11, No. 4, hal. 34.
42. Kurf didefinisikan oleh Elias *Modern Dictionary*, Arabic-English, di halaman 434, sebagai konvensyen, amalan yang diakui atau adat.
43. Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-Undang Tanah Islam Pendekatan Perbandingan*, op. cit, hal. 108.
44. Perbilangan adat menyatakan:

“Maka turutlah Dato’ Seri Maharaja Diraja membawa Penghulu yang dua silai iaitu Dato’ Temenggung dan Dato’ Perpatih Nan Sebatang turun ke laut ke bandar Rokan tempat perahu yang bersusun-susun tempat halah yang berselang-seli. Di situlah pembahagian Dato’ Temenggung dengan Dato’ Perpatih Nan Sebatang menghilir ke Kampar kiri dan menghulu ke Kampar kanan”.
45. Ini merupakan salah satu ciri Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan, di mana perkahwinan sesama suku adalah dilarang ketat.
46. Joseph Minattur, *The Nature of Malay Customary Law*, op. cit, hal. 329.
47. Dua belas suku tersebut terdiri daripada Biduanda, Batu Hampar, Seri Melenggang, Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak, Tiga Batu, tiga Nenek, Paya Kumbuh, Anak Melaka, Anak Aceh dan Batu Belang.
48. T.A. Manring, *National Integration And Legal Systems: Malaysia*, *Malaya Law Review*, Vol. 10. July 1968, hal. 47.
49. Ibid, hal. 47.
50. Othman Ishak, *Hubungan Antara Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Adat*, op. cit, hal. 75.
51. Professor Madya Hj Taha Abd. Kadir, *Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini*, Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih, Universiti Kebangsaan Malaysia, 17-18 Sept. 1988, hal. 1.
52. Perbilangan adat ialah sejenis bentuk ucap fikiran yang mengandungi makna kiasan terhadap masyarakat. Yang disentuh oleh perbilangan itu ialah undang-undang dalam masyarakat, yakni dalam konteks pertanian, ternakan, pembahagian harta, pajakan, pertunangan, tanggungjawab, pembahagian tugas, umum dan mungkin juga falsafah masyarakat. Ia adalah hasil daripada pengalaman dan renungan yang berlatarbelakangkan kepada masalah hidup seharian berasas kepada kebudayaan masyarakatnya. Ia dijadikan ukuran ketinggian dan kemajuan pemikiran masyarakat itu. Faedahnya amat besar, lebih-lebih lagi dari sudut kebudayaan dan identiti masyarakat itu.

53. Dari segi organisasi masyarakat Adat Perpatih, perbilangan adat menyatakan:

Bulat anak buah menjadi buapak,
Bulat buapak menjadi lembaga,
Bulat lembaga menjadi undang,
Bulat undang menjadi raja,
Raja memerintah alam,
Undang memerintah luak,
Lembaga memerintah suku,
Buapak memerintah anak buah,
Laki memerintah bini.

54. Dr. Amir Syariffudin, Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau, op. cit. hal. 143-150.

55. Umpamanya adat anak perempuan, apabila besar di carikan suami. Maka timbul pula adat atau nilai ketimuran yang mewujudkan perbilangan adat 'adat perempuan menanti-nantikan, adat anak lelaki ditanya-tanya (risik)'.

56. M.B. Hooker, Islamic Law In South-East Asia, Oxford Universiti Press, Oxford, New York, 1984, hal. 161-162.

57. Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

58. Ahmad Ibrahim, Islamic Law In Malaysia, Journal of Malaysian Comparative Law, Vol. 8, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981, hal. 39.

59. Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat, op. cit, hal. 95.

60. E.N. Taylor, The Customary Law of Rembau, Journal of Malayan Branch royal Asiatic Society, Singapore, Vol. VII, 1929, hal. 9.

61. M.B. Hooker, Adat and Islam In Malaya, Malaya Review Legal Essays, Malaya Law Review, Kuala Lumpur, 1975, hal. 164-165.

62. Ibid, hal. 67.

63. Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang, op. cit, hal. 9.

Senarai Rujukan

Buku

A.Monif Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Abdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.

Abdul Rahim M.A. The Principles of Muhammadan Jurisprudence According To Hanafi, Maliki, Shafie And Hambali Schools. Lahore: All Pakistan Legal Decisions, 1975.

Abdul Rashid Hj Abdul Latiff. Hukum Pusaka Dalam Islam, Satu Kajian Perbandingan. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1987.

Ahmad Amin, Dr. Fajar Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980.

Ahmad Ibrahim. Islamic Law In Malaya. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, 1975.

Shafie Law. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1976.

Amir Syariffuddin, Dr. Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: Gunung Agung, 1984.

A.R. Biswas, Dr. Biswas Encyclopedia Law Dictionary. Calcutta: Debooks Eastern Law House, 1979.

Black, Henry Campbell. Black's Law Dictionary. St. Paul Minn: West Publishing Co, 1979.

Curzon L.B. A Dictionary Of Law. London: Macdonald And Evans, 1979.

Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kamus Dwibahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985.

Elias, A. Elias & Ed. E. Elias. Elias' Modern Dictionary, Arabic-English. Cairo: Elias' Modern Publishing House & Co. 1986.

Ely. R.T. Property And Contract In Their Relations to The Distributions of Wealth. London: Mac Millan, 1914.

H. Abdullah Siddik S.H. Dr. hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam. Jakarta: Penerbitan Widjaya, 1984.

Hailsham of St. Marylebone, Lord. *Halbury's Laws of England*. London: Butterworth's, 1975.

Hamilton, Walton. *Property, Encyclopedia of The Social Sciences*. New York: Mac Millan, 1933.

Hollowell, Peter. *Property And Social Relations*. London: Heneman, 1982.

Hooker, M.B. *Adat And Islam In Malaya, Malaya Law Review Legal Essays*. Kuala Lumpur: Malaya Law Review, 1975.

Hooker, M.B. *Islamic Law In South East-Asia*. Oxford: Oxford University Press, 1984.

Ismail Hamid. *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Jamal J. Nasir. *The Islamic Law Of Personal Status*. London: Graham & Trotman, 1986.

K. Ali M.A. Prof. *A Study Of Islamic History*. Calcutta: Mullick Brothers, 1974.

K.J. Aiyer's. *Manual Of Law Terms And Phrases*. Allahabad: Law Book Co. 1973.

Lewis, Bernard. *The Arabs In History*. London: Hutchinson University Library, 1970.

Lloyd, P.C. *Yoruba Land Law*. London:....., 1962.

Mahiudin Abu Zakaria Yahya Ibn Sharif En-Nawawi. *Minhaj Et-Taliban*. Lahore: Law Publishing Co. 1977.

Mergary, Robert, Sir And H.W.R. wade. *The Law Of Real Property*. London: Stevens & Sons Ltd, 1984.

Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1987.

Mohd Sanusi B. Hj. Mahmood, Hj. *Undang-Undang Keluarga Dalam Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Dian Darul Nain Sdn. Bhd. 1984.

Mokhtar b. Hj. Mohd Dom, Hj. *Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977.

Osborn P.G. *A Concise Law Dictionary*. London: Sweet & Maxwell, 1983.

Othman Ishak. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

Sihombing, Judith. National Land Code, A Commentary. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1981.

Sood, Teo Keang, Khaw Lake Tee. Land Law In Malaysia Cases And Commentary. Singapore: Butterworth's And Co. (Asia) Pte. Ltd. 1981.

Syed Khalid Rashid. Muslim Law. Lucknow: Eastern Book Co. 1979.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, 1985.

Jurnal

Manring T.A. "National Integration And Legal Systems: Malaysia". Malaya Law Review, 20 (1968), hal. 29-54.

Md. Akhir Bin Hj. Yaakob. "Harta Sepencarian". Jurnal Hukum, (Muharram 1405/ September 1984), hal. 36-60.

Minnattur, Joseph. "The Nature Of Malay Customary Law". Malaya Law Review, 6 (1964), hal. 327-352.

Mohd Din bin Ali, hj. "Malay Customary Law/ Family". Intisari, II (1963).

Salleh Abbas, Tun. "Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia". Jurnal Hukum, (Rejab 1404/ April 1984), hal. 143-148.

Taylor En.N. "Customary Law Of Rembau", Journal Of Malayan Branch Royal Asiatic Society, VII (1928), hal. 1-289.

Akhbar

Berita Minggu, Ahad 28 Januari, 1990.

Kertas Kerja Seminar

Hj. Taha Abdul Kadir, Prof. Madya. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih". Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih, Universeiti Kebangsaan Malaysia, (17-18 September 1988).